



- 1. PEMBANTU PERIKANAN
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Sains atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perikanan sebagai Pembantu Perikanan Rendah atau dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji D.1 selama tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Nelayan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji E.1 selama tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.

3. Mempunyai pengetahuan yang luas mengenai alat-alat dan cara-cara penangkapan ikan yang digunakan di Negara ini dan juga mengetahui jenis-jenis ikan yang didapati di Negara ini serta pernah menghadiri kursus-kursus dalam bidang Perikanan yang dianjurkan oleh Jabatan Perikanan atau manan-mana pertubuhan serantau atau antarabangsa adalah merupakan kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMBANTU PERIKANAN:

1. Bertanggungjawab dalam pemantauan aktiviti pemeliharaan udang di kolam dan ikan dalam sangkar serta mengawasi kualiti air dalam kolam, tangki dan sangkar.
2. Bertanggungjawab dalam pengutipan data penghasilan udang dan ikan daripada pengusaha-pengusaha.
3. Bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan bantuan teknikal kepada pengusaha-pengusaha kolam udang dan ikan dalam sangkar.
4. Bertanggungjawab dalam menjalankan kerja-kerja yang bersangkutan paut dengan kemajuan dan perkembangan industri perikanan di negara ini.
5. Menerima dan melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai atasan yang lain dari semasa ke semasa.